

15/01/1997

Kekayaan diagih sama rata: PM (HL)

Mustapha Omar in Los Angeles

LOS ANGELES, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan sentiasa berusaha mengagihkan kekayaan sama rata kepada rakyat melalui pelbagai peluang yang disediakan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengaku pengagihan itu masih belum begitu memuaskan walaupun hakikatnya ia jauh lebih baik dibandingkan sebelum 1969.

"Kita perlu realistik. Sebenarnya jika kita mengagihkan kekayaan sama rata sekali pun, masih ada yang tidak setuju kerana mereka yang melakukan sesuatu dengan lebih baik, tentu mahukan upah yang lebih baik daripada orang lain.

"Di kalangan masyarakat seperti di Malaysia, orang yang berusaha keras untuk mencari kekayaan sudah tentu menjadi lebih kaya. Tetapi yang penting mereka ini tidak menjadi begitu kaya hingga mengabaikan golongan miskin.

"Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, kita kenakan cukai yang lebih kepada orang kaya, malah orang miskin tidak perlu membayar cukai. Di sinilah kita ambil duit orang kaya dan agihkan kepada orang miskin," katanya ketika berdialog dengan kira-kira 400 pelajar dan rakyat Malaysia di sini.

Dialog itu diadakan di Masjid Omar al-Khattab sebelum Perdana Menteri menyertai majlis berbuka puasa bersama mereka petang ini.

Turut hadir ialah Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Dali Hashim; Pengarah Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali.

Dr Mahathir berkata, orang kaya yang mempunyai banyak wang boleh melabur dan membuka perniagaan besar, sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada golongan miskin.

"Inilah yang menyebabkan di Malaysia, tidak ada orang menganggur kerana kita mempunyai ramai orang kaya yang mampu melabur," katanya yang berada di sini dalam rangka lawatan kerja selama seminggu untuk mempromosikan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada pelabur Amerika Syarikat dan mempengerusikan mesyuarat pertama panel perunding (IAP) bagi projek MSC.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri melawat Studio Todd-AO, sebuah syarikat yang terbabit dalam industri perfileman dan televisyen, khususnya dalam bidang kesan bunyi dan alih suara.

Beliau kemudian menyaksikan majlis menandatangani dua memorandum persefahaman (MOU) dan enam perjanjian usahasama membabitkan syarikat tempatan yang terbabit dalam industri IT dengan pengusaha Amerika.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan juga mengagihkan kekayaan melalui syarikat-syarikat awam, bukan dimonopoli oleh seorang sahaja, bertujuan memberi peluang kepada orang ramai termasuk pekerjaannya untuk membeli saham-saham itu.

"Itulah sebabnya kita lihat ramai orang boleh membeli saham amanah sama ada Amanah Saham Mara atau yang lain. Pelabur ini mendapat untung daripada dividen yang diperolehi," katanya.

Menjawab soalan peserta, Dr Mahathir menjelaskan, rakyat Malaysia yang berada di luar negara bukan saja perlu bercampur sesama mereka melalui Kelab Malaysia yang ditubuhkan, malah mendekati masyarakat tempatan.

"Kita menjalankan perniagaan dengan pelbagai pihak di seluruh dunia, jadi kita perlu mengenali masyarakat tempatan supaya kita lebih mudah memahami hati budi mereka.

"Kita juga perlu mempelajari dan menguasai bahasa mereka kerana dengan

cara itu sahaja kita boleh berjaya dalam perniagaan yang kita ceburi," katanya.

Mengenai gejala buruk yang mungkin timbul akibat kemajuan dalam bidang IT, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak boleh menyekat pengaliran maklumat, termasuk melalui Internet walaupun ia membawa kesan negatif.

(END)